



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil.34 TAMBAHAN

No.26

20hb Disember 1990

No.7

---

## RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang yang berikut telah dibentangkan dalam Parlimen adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bills introduced into Parliament are published for general information:

Akta Perbekalan 1991—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 11hb Disember 1990*).

Supply Act 1991—(*Presented and read first time in the Dewan Rakyat on 11th December 1990*).

Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara (Pindaan) 1990—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 12hb Disember 1990*).

National Productivity Council (Incorporation) (Amendment) Act 1990—(*Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 12th December 1990*).

Akta Audit (Pindaan) 1990—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 13hb Disember 1990*).

Audit (Amendment) Act 1990—(*Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 13th December 1990*).

## D.R. 47/90

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

### RANG UNDANG-UNDANG

#### *bernama*

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1991 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu dan apa-apa jumlah wang lain yang telah dibenarkan sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan bagi sebahagian daripada tahun itu.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan 1991. Tajuk ringkas.
2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi dua belas ribu lapan ratus enam juta tujuh ratus lima ribu empat ratus sembilan puluh ringgit (\$12,806,705,490) daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1991 adalah dengan ini dibenarkan. Pengeluaran dan peruntukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1991.  
  
(2) Jumlah wang yang dibenarkan untuk dikeluarkan melalui Akta ini dan jumlah wang sebanyak enam ribu tiga juta empat ratus tiga puluh enam ribu dua puluh ringgit (\$6,003,436,020), iaitu amaun perbelanjaan yang dibenarkan oleh seksyen 2 Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1990, yang Akta .

amaun agregatnya berjumlah lapan belas ribu lapan ratus sepuluh juta seratus empat puluh satu ribu lima ratus sepuluh ringgit (\$18,810,141,510) adalah dengan ini diuntukkan dan hendaklah disifatkan telah diuntukkan dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1990 bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

## JADUAL

Maksud	Tajuk	Amaun
B. 1 ...	Parlimen	\$ 16,324,000
B. 2 ...	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	844,800
B. 3 ...	Jabatan Audit	27,710,400
B. 4 ...	Suruhanjaya Pilihanraya	15,338,000
B. 5 ...	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	9,969,300
B. 6 ...	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	4,299,800
B. 7 ...	Jabatan Perdana Menteri	413,467,610
B. 8 ...	Jabatan Perkhidmatan Awam	581,105,900
B. 9 ...	Jabatan Perangkaan	115,368,500
B. 10 ...	Jabatan Peguam Negara	12,919,600
B. 11 ...	Badan Pencegah Rasuah	23,511,000
B. 12 ...	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah	480,300
B. 13 ...	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak	450,000
B. 14 ...	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	54,565,000
B. 15 ...	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	10,460,800
B. 16 ...	Jabatan Perkhidmatan Bomba	81,587,800
B. 17 ...	Kementerian Belia dan Sukan	40,550,200
B. 18 ...	Kementerian Perusahaan Utama	93,847,300
B. 19 ...	Kementerian Pertanian	826,521,400
B. 20 ...	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	85,165,900

## PERBEKALAN

3

Maksud	Tajuk	Amaun
B. 21 ...	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	\$ 32,340,100
B. 22 ...	Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan	104,477,000
B. 23 ...	Jabatan Arkib Negara	8,049,400
B. 24 ...	Muzium Negara	4,200,000
B. 25 ...	Kementerian Pertahanan	2,500,224,000
B. 26 ...	Kementerian Pendidikan	5,551,520,900
B. 27 ...	Jabatan Perpustakaan Negara	6,658,000
B. 28 ...	Perbendaharaan	105,725,000
B. 29 ...	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	708,686,070
B. 30 ...	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	1,958,621,010
B. 31 ...	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	167,686,300
B. 32 ...	Jabatan Hasil Dalam Negeri	108,320,400
B. 33 ...	Kementerian Perusahaan Awam	166,501,600
B. 34 ...	Kementerian Kesihatan	1,446,500,400
B. 35 ...	Kementerian Dalam Negeri	96,911,900
B. 36 ...	Polis Diraja Malaysia	1,244,731,400
B. 37 ...	Jabatan Imigresen	60,735,000
B. 38 ...	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan	3,166,500
B. 39 ...	Jabatan Pendaftaran Negara	49,141,600
B. 40 ...	Jabatan Penjara	111,984,900
B. 41 ...	Jabatan Pertahanan Awam	2,838,500
B. 42 ...	Jabatan Percetakan Negara	33,500,000
B. 43 ...	Kementerian Kehakiman	52,574,600
B. 44 ...	Kementerian Penerangan	242,095,100
B. 45 ...	Kementerian Sumber Manusia	62,272,100
B. 46 ...	Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar	99,664,200
B. 47 ...	Kementerian Pengangkutan	162,611,500
B. 48 ...	Jabatan Penerbangan Awam	10

Maksud	Tajuk	Amaun
B. 49 ... Kementerian dan Pos	Tenaga, Telekom	\$ 53,515,100
B. 50 ... Jabatan Perkhidmatan Pos		10
B. 51 ... Kementerian Luar Negeri		147,523,500
B. 52 ... Kementerian Kerja Raya		407,521,300
B. 53 ... Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi		124,645,900
B. 54 ... Kementerian Pembangunan Luar Bandar		440,777,700
B. 55 ... Jabatan Hal Ehwal Orang Asli		31,080,800
B. 56 ... Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat		80,210,700
B. 57 ... Jabatan Perpaduan Negara		18,641,400
	JUMLAH ...	<u>\$18,810,141,510</u>

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini membuat peruntukan bagi pengeluaran sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak dua belas ribu lapan ratus enam juta tujuh ratus lima ribu empat ratus sembilan puluh ringgit (\$12,806,705,490) untuk perkhidmatan bagi tahun 1991 dan bagi penguntukan jumlah wang itu dan jumlah wang yang dibenarkan dikeluarkan di bawah Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1990 bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual kepada Rang Undang-Undang ini.

[PN. (U<sup>2</sup>) 1645.]